

BERNAMA TV dengan pelbagai kemudahan untuk membuat liputan secara langsung. Kajian juga dilakukan untuk menyusun semula jadual program sedia ada bagi menjadikan BERNAMA TV menjadi saluran berita terkini yang lebih berdaya saing dan menarik bagi penonton.

Pada masa kini, Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) dan BERNAMA TV sudah berkerjasama dalam membuat liputan beberapa peristiwa penting. Ini merupakan usaha permulaan ke arah kerjasama yang lebih mantap. Ekoran kerjasama ini diharap RTM dan BERNAMA TV akan dapat meningkatkan keupayaan membuat liputan yang lebih menyeluruh dan dapat memenuhi kehendak khalayak.

Berdasarkan perkembangan ini, RTM dan BERNAMA akan meningkatkan sinergi melalui perkongsian berita dan kandungan siaran ke arah mewujudkan saluran berita 24 jam utama negara. Bagi tujuan ini, RTM akan mengendalikan saluran televisyen berbahasa Melayu dan saluran radio berbahasa Inggeris manakala pihak BERNAMA pula akan mengendalikan saluran televisyen berbahasa Inggeris dan memperkemaskan lagi siaran radio 24 jam BERNAMA berbahasa Melayu di bawah Radio 24 yang telah mula dilancarkan pada 3 September 2007.

Selain itu, kementerian juga telah mengenal pasti beberapa stesen penyiaran antarabangsa khususnya di negara jiran yang boleh dijadikan model seperti SCTV / Indosiar, Indonesia. Seterusnya, kementerian juga mencadangkan stesen penyiaran seperti Bernama TV dan RTM mengamalkan konsep atau kaedah penyiaran berita yang sesuai. Sebagai contoh berita Sky News yang lebih bersifat setempat (*community-based news*).